

BAB 4

PEMBANGUNAN EKONOMI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

4.1 Pendahuluan

Pembangunan ekonomi Islam merupakan komponen yang penting bagi mewujudkan pembangunan yang komprehensif di sesebuah negara Islam. Oleh itu, pembangunan ekonomi Islam sentiasa menjadi topik perbincangan di kalangan pakar ekonomi Islam pada masa ini. Dalam bab ini akan didedahkan pandangan Islam berkenaan dengan konsep pembangunan ekonomi. Di samping itu, ia juga akan menyorot pandangan Islam berkenaan dengan objektif pembangunan ekonomi dan indeks pembangunan ekonomi menurut Islam.

4.2 Pembangunan Ekonomi Menurut Islam

4.2.1 Definisi dan konsep pembangunan ekonomi

AbulHasan Muhammad Sadeq berpendapat bahawa pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam adalah suatu usaha atau proses perkembangan yang seimbang dan berterusan sama ada material mahupun bukan material yang dapat mendatangkan sebarang manfaat kepada manusia. Proses tersebut mesti dilaksanakan secara komprehensif tanpa membezakan satu daerah dengan daerah lain, sama ada di bidang ekonomi mahupun dalam sistem sosial yang selaras

dengan ajaran Islam.¹ Oleh itu, pembangunan ekonomi Islam mesti mementingkan kepentingan bersama (*social welfare*)² sebagai kunci asas dalam membuat takrifan berkenaan dengan pembangunan ekonomi.

Sedangkan Muhammad Abdul Mannan menyebutkan bahawa pengertian pembangunan ekonomi dalam perspektif ekonomi moden adalah lebih sempit berbanding Islam, iaitu hanya setakat proses yang merujuk kepada kegunaan sumber-sumber yang sedia ada, di mana ia boleh meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan kepada masyarakat yang berada di suatu daerah atau suatu tempat.³ Sedangkan pandangan Islam adalah lebih luas daripada itu. Islam tidak hanya mementingkan pembangunan material tetapi juga pembangunan yang bersifat menyeluruh yang melibatkan hal-hal seperti moral, sosial, politik, dan ekonomi itu sendiri.⁴

Pentakrifan di atas adalah selaras dengan pandangan Abdul Aziz bin Muhammad yang mengatakan bahawa pembangunan dalam konsep Islam tidak sahaja mementingkan hubungan antara manusia dengan manusia (*man and man*) tetapi juga hubungan antara manusia dengan Tuhan (*man and God*).⁵ Oleh itu,

¹ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *Economic Development in Islam*, c. 2. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 2 ; Menurut AbulHasan Muhammad Sadeq terdapat dua asas yang menjadi matlamat umat manusia iaitu alam dunia (dari lahir hingga mati) yang bersifat sementara, sedangkan yang kedua adalah alam akhirat (setelah kematian) adalah alam yang kekal. Kemakmuran yang hendak dicapai dalam pembangunan ekonomi Islam adalah untuk memenuhi keperluan kedua-dua asas tersebut sama ada kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat ; Lihat AbulHasan Muhammad Sadeq (1989), *Islamic Economics : Some Selected Issues*. Lahore : Islamic Publications (PVT) Ltd., h. 12.

² Mehdi B. Razavi (1983), *Modelling An Islamic Economic System : An Interaction Delivery Matrix and Boolean Digraph Approach*. Lincoln : University Microfilms International, h. 52.

³ Muhammad Abdul Mannan (1986), *Islamic Economics : Theory and Practice*, c. 2. Cambridge : Islamic Academy, h. 373.

⁴ *Ibid.*, h. 374.

⁵ Abdul Aziz bin Muhammad (1993), *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur : Berita Publishing, h. 17.

konsep pembangunan secara umum mesti berlandaskan kepada *tawhīd, al-`adl, rubūbiyah, khilāfah, dan tazkiyah*.⁶

Pembangunan ekonomi dalam Islam juga bererti evolusi manusia, tetapi dengan skop yang berbeza dengan konsep evolusi Barat. Evolusi dalam Islam bererti memandu dan mengubah masyarakat yang jahil kepada masyarakat yang Islam.⁷ Oleh itu, pembangunan ekonomi dalam Islam adalah bersifat komprehensif dan bersepadu, iaitu meliputi aspek kerohanian dan moral serta mengutamakan pembangunan manusia sebagai objek utama pembangunan, dan ia dipandang tidak terpisah dengan unsur-unsur pembangunan lain.⁸

Kesimpulan yang dapat diambil daripada beberapa pentakrifan di atas, di mana pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam adalah lebih luas maknanya berbanding pentakrifan yang dibuat oleh ahli-ahli ekonomi konvensional. Pembangunan ekonomi menurut pandangan Islam adalah suatu konsep dan matlamat yang komprehensif tanpa membezakan antara faktor kerohanian dan fizikal, material dan bukan material. Dengan demikian, pembangunan ekonomi yang selaras dengan panduan Islam akan menghasilkan keseimbangan dan kemakmuran baik di dunia mahupun di akhirat.

Islam memandang berat masalah pembangunan ekonomi, tetapi menganggap masalah ini sebagai sebahagian daripada pembangunan manusia yang lebih luas. Fungsi utama Islam ialah memandu pembangunan manusia

⁶ *Ibid.* h. 17-18 ; Lihat juga Ab. Rashid Dail (1984), *Prinsip Ekonomi Islam*. Kajang : Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 18.

⁷ Surtahman Kastin Hasan (2001), *Ekonomi Islam : Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 185.

⁸ *Ibid.*, h. 186.

supaya mengikuti landasan serta arah yang betul. Ia menyentuh semua aspek pembangunan ekonomi tetapi sentiasa dalam konteks pembangunan manusia pada keseluruhannya, dan tidak pernah dalam bentuk yang terpisah daripada perspektif ini. Sebagai akibatnya, konsep pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam adalah kekal sebagai unsur pembangunan moral dan sosioekonomi masyarakat manusia yang sepadu dan tidak boleh dipisahkan.⁹

Asas falsafah konsep pembangunan ekonomi dalam rangka kerja Islam ialah seperti berikut :¹⁰

1. *Tawhīd*¹¹
2. *Rubūbiyah*¹²
3. *Khilāfah*¹³
4. *Tazkiyah*¹⁴
5. *Al-Falāḥ*¹⁵

⁹ Kurshid Ahmad (1980), "Economic Development in An Islamic Framework", dalam Kurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester : The Islamic Foundation., h. 178.

¹⁰ *Ibid.*, h. 178-179.

¹¹ *Tawhīd* maknanya ialah Tuhan hanyalah Satu dan Maha Agung. *Tawhīd* menetapkan hukum mengenai perhubungan antara Tuhan dengan manusia dan antara manusia dengan sesama manusia.

¹² *Rubūbiyah* maknanya ialah susunan yang suci bagi pemakanan, kehidupan dan mengarahkan benda ke arah kesempurnaan mereka. Ia merupakan undang-undang asas alam sejagat yang memberi pedoman tentang model yang suci bagi pembangunan sumber supaya menjadi berguna, saling menyokong dan saling berkongsi antara mereka dalam konteks susunan yang suci.

¹³ *Khilāfah* ialah peranan manusia sebagai khalifah Allah di dunia. *Khilāfah* ini menetapkan status dan peranan manusia, yang mempunyai tanggungjawab sebagai seorang Islam dan sebagai umat Islam. Dari sinilah timbulnya konsep Islam mengenai wali, moral, politik dan ekonomi, serta prinsip organisasi sosial.

¹⁴ *Tazkiyah* ialah penyucian serta pertumbuhan. Urusan semua nabi yang diutuskan oleh Allah adalah untuk menyempurnakan *tazkiyah* manusia dalam semua hubungannya dengan Allah, dengan manusia, dengan alam sekeliling, dan dengan masyarakat serta negara.

¹⁵ *Al-Falāḥ* ialah keberhasilan. Konsep keberhasilan dalam Islam adalah keberhasilan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, apa sahaja usaha yang dilakukan di dunia mesti selaras dengan kepentingan di akhirat ; Lihat Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 23.

Berpandukan kepada prinsip asas di atas, maka berbagai-bagai unsur mengenai konsep pembangunan ekonomi dapat diperolehi. Kurshid Ahmad mencadangkan konsep pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam, adalah seperti berikut :¹⁶

1. Konsep Islam berkenaan dengan pembangunan mempunyai ciri yang komprehensif dan termasuk aspek moral, kerohanian dan kebendaan. Pembangunan ekonomi menjadi kegiatan yang berorientasikan kepada nilai-nilai Islam, yang ditumpukan ke arah mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi. Antara moral dengan kebendaan, ekonomi dengan sosial, rohani dengan jasmani tidak boleh dipisahkan. Kebajikan yang dituntut oleh Islam dalam pembangunan ekonomi adalah kesejahteraan di dunia dan di akhirat.
2. Tumpuan bagi usaha pembangunan dan inti kepada usaha pembangunan ialah manusia. Oleh itu, pembangunan adalah pembangunan manusia persekitaran dan sosiobudayanya.
3. Pembangunan ekonomi ialah satu kegiatan yang bersifat pelbagai dimensi. Lebih-lebih lagi dalam rangka kerja yang berbentuk Islam. Oleh itu, pembangunan ekonomi mesti dijalankan secara serentak di pelbagai bidang serta mengambil kira pelbagai kepentingan masyarakat. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan dalam menjalankan proses pembangunan ekonomi.
4. Pembangunan ekonomi melibatkan beberapa perubahan kuantitatif dan juga kualitatif. Malangnya, penglibatan dengan aspek kuantitatif, yang

¹⁶ Kurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h. 179-180.

memang wajar dan perlu, telah menyebabkan aspek kualitatif pembangunan itu khususnya, dan kehidupan pada amnya telah diabaikan. Islam akan cuba membetulkan ketidakseimbangan ini.

5. Antara prinsip dinamik kehidupan sosial, Islam telah memberikan penekanan yang istimewa kepada dua perkara : Pertama, penggunaan secara optimum sumber yang dikurniakan Allah kepada manusia dan juga persekitaran fizikalnya. Kedua, penggunaan serta pengagihan sumber tadi secara adil dan penggalakan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan. Islam memuji nilai *syukr*¹⁷ dan *'adl*.¹⁸ Sebaliknya mengutuk kehinaan *kufir*¹⁹ dan *zulm*.²⁰

Konsep pembangunan ekonomi menurut rangka kerja Islam juga memerlukan kepada usaha-usaha kerjasama di kalangan semua individu. Semangat jihad yang utama untuk pembangunan ekonomi yang pesat perlulah ditanamkan dan dihidupkan semula di dalam jiwa setiap individu Islam. Semua perkara tersebut hanya dapat dilaksanakan melalui pendidikan Islam yang intensif dan menyeluruh. Dengan itu, proses untuk mengislamkan ekonomi negara sepatutnya terlebih dahulu dimulai dengan mengislamkan sistem pendidikannya.²¹

¹⁷ *Syukr* adalah berterima kasih kepada Allah atas nikmat yang Ia limpahkan kepada seluruh umat manusia. *Syukr* tidak hanya diucapkan dengan lidah tetapi diikuti dengan keikhlasan hati dan amal perbuatan sehari-hari.

¹⁸ *'Adl* adalah sifat, tindakan dan perbuatan yang berpegang kepada prinsip keadilan. Orang-orang yang berlaku adil adalah orang yang sentiasa memikirkan kepentingan dan kemakmuran bersama, tidak mahu menganiaya atau menzalimi orang lain.

¹⁹ *Kufir* adalah menafikan Allah dan nikmat-Nya. Orang-orang yang ingkar dengan Allah tidak mahu mengakui bahawa nikmat yang dikurniakan kepada mereka berasal daripada Allah, bahkan mereka tidak mengakui bahawa Allah adalah Tuhan seluruh makhluk.

²⁰ *Zulm* adalah perbuatan yang tidak berperikemanusiaan, tidak adil, kejam. Orang-orang yang berlaku zalim adalah orang yang bertindak mengikut hawa nafsu semata-mata tanpa memikirkan hak dan kepentingan orang lain.

²¹ Mohamed Ariff (1990), "Pembangunan ekonomi Mengikut Perspektif Islam", dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Pulau Pinang, h. 26.

Di bidang ekonomi, proses mengislamkan sistem kewangan patut diberikan keutamaan yang tinggi supaya pengharaman kadar bunga (riba) yang telah berkembang dalam setiap aktiviti ekonomi terlaksana. Adalah perlu untuk menghapuskan kadar bunga supaya pembangunan ekonomi menurut pendekatan Islam dapat dilaksanakan dengan lebih bermakna lagi.²²

Konsep pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam adalah suatu konsep pembangunan yang berlandaskan kepada keadilan. Hal ini terbukti di mana Islam membenarkan pengumpulan kekayaan menerusi cara-cara yang adil dan "pemilikan" bahan-bahan untuk pengeluaran adalah dibenarkan dalam Islam. Sistem perusahaan persendirian adalah selaras dengan Islam. Keindahan yang terdapat dalam Islam adalah memilih jalan tengah bagi kehidupan umat manusia iaitu keselarasan antara kepentingan peribadi dan kepentingan bersama. Di samping itu Islam juga amat menggalakkan sifat berjimat cermat dan amalan hidup sederhana. Dengan demikian, penekanan Islam ke arah kesedaran dalam pembangunan dapat menyediakan sumber - sumber yang diperlukan dalam pembangunan ekonomi.²³

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.* ; Manusia sebagai pengguna semestinya mengamalkan konsep kesederhanaan dan memperhatikan kepentingan orang lain kerana kemampuan menyumbang untuk kebajikan masyarakat diukur dari segi jumlah yang berlebihan setelah seseorang menikmati taraf hidup yang biasa dinikmati oleh orang lain yang setaraf. Manusia sebagai pengguna digalakkan untuk menikmati kekayaan alam tanpa berlaku boros sekalipun ia mampu melakukannya ; Lihat Jomo K.S. (1996), *Alternatif Ekonomi Islam : Perspektif Kritis dan Haluan Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 52 ; Muhammad Abd Mannan mengatakan bahawa individu sebagai pengguna mesti berbelanja pada tahap yang berpatutan ; Lihat Muhammad Abdul Mannan ((1984), *The Making of An Islamic Economic Society : Islamic Dimensions in Economic Analysis*. Kaherah : International Association of Islamic Bank, h. 300 ; Lihat juga Muhammad Umar al-Din (1991), *The Ethical Philosophy of Ghazzali*. Lahore : Sh. Muhammad Asraf, h. 241 ; Keadilan yang dimaksud dalam ekonomi Islam adalah keadilan yang bererti kebebasan berusaha bagi yang mampu dan memperuntukkan sejumlah harta tertentu bagi mereka yang tidak mampu ; Lihat Ahmad M. Saefuddin (1984), *Studi Nilai-Nilai Sistem Ekonomi Islam*. Jakarta: Media Dakwah, h. 59-62.

Khalifah Umar sewaktu menjelaskan tentang keadilan, beliau menekankan bahawa setiap orang mempunyai hak yang sama dalam kekayaan masyarakat. Tidak dibenarkan sesiapaupun malahan termasuk dirinya sendiri, untuk memiliki hak-hak istimewa daripada orang lain.²⁴ Sedangkan Khalifah Ali menekankan bahawa Tuhan telah mewajibkan orang kaya untuk memberikan sumbangan kepada orang miskin untuk memenuhi keperluan mereka. Jika ada orang miskin yang tidak memiliki pakaian atau dalam kesusahan sedangkan terdapat orang kaya yang mampu memberikan pakaian kepada mereka tetapi tidak dilaksanakan maka secara tidak langsung ia merupakan suatu perampasan hak orang miskin tersebut. Orang kaya tersebut layak untuk menerima hukuman daripada Tuhan.²⁵

Pembangunan ekonomi dalam rangka kerja Islam juga menghendaki kepada pengislaman sistem fizikal. Terutamanya institusi zakat perlulah digerakkan dan diperkuatkan. Jikalau pengutipan dan pengagihan zakat dilaksanakan dengan jujur, masalah kemiskinan mutlak dengan mudah dapat diatasi. Sistem ekonomi Islam menekankan kesaksamaan dan keseimbangan dalam agihan semula harta dan kekayaan. Oleh itu, umat Islam yang mampu, diwajibkan untuk mengeluarkan zakat, kerana zakat membantu memindahkan sumber-sumber daripada orang kaya kepada orang miskin. Pembangunan ekonomi sepatutnya membawa kepada pengurangan bilangan mereka yang sepatutnya menerima zakat dari semasa ke semasa.²⁶

²⁴ Muhammad Husain Haikal (1964), *al-Farūq 'Umar*, j. 2. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyah, h. 233.

²⁵ Abū 'Ubaid al-Qāsim (1353 H), *Kitāb al-Amwāl*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā, h. 23.

²⁶ Mohamed Ariff (1990), *op.cit.*, h. 27.

4.2.2 Objektif Pembangunan Ekonomi Menurut Islam

Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam terdiri daripada beberapa objektif utama iaitu :

i. Pembangunan sumber manusia

Pembangunan sumber manusia dalam Islam ditakrifkan sebagai taraf pencapaian manusia sama ada dari segi potensi, kualiti, mahupun kuantiti serta dapat berperanan secara aktif dalam proses pembangunan. Menurut perspektif Islam, pada hakikatnya manusia itu lebih berpotensi untuk menjadi seorang insan yang baik daripada menjadi seorang manusia yang jahat.²⁷ Di samping itu, sumber manusia juga dikatakan sebagai penjana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.²⁸ Namun demikian, menyedarkan manusia supaya berusaha menjadi manusia yang berguna adalah sesuatu yang sulit dan mesti dilaksanakan secara terancang dan bersepadu yang melibatkan semua pihak.

Bagi melaksanakan pembangunan sumber manusia, maka kita mesti membabitkan bidang pendidikan dan latihan. Kedua-dua bidang berkenaan adalah amat berperanan dalam membentuk dan melahirkan generasi muda yang cekap dan berdisiplin. Pendidikan dan latihan juga dapat mewujudkan keadilan sosioekonomi yang lebih besar dan pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat. Pendidikan dan latihan juga mampu membuka pintu bagi terwujudnya keseimbangan ekonomi. Namun demikian, masih banyak negara-negara Islam yang tidak memperhatikan hal tersebut sehingga wujudlah generasi yang lemah

²⁷ Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 63.

²⁸ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 109 ; Lihat juga AbulHasan Muhammad Sadeq (1993), "Muslim and Economic Development : Present State and Future Potentials", dalam Kadir H. Din (ed.), *Development and the Muslims*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 47-48.

dan tidak mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan. Hal ini menyebabkan proses pembangunan yang dijalankan tidak dapat dinikmati oleh pemuda-pemuda tempatan kerana kekurangan dan kelemahan mereka di bidang kemahiran dan kepakaran. ;

Oleh kerana itu, sistem pendidikan yang sedia ada mesti diubah ke arah yang lebih maju. Pendidikan-pendidikan Islam yang sedia ada mesti diubahsuai dan diselaraskan dengan keperluan semasa. Dengan demikian, anak-anak yang berasal dari pelbagai kawasan dapat menikmati pendidikan dan latihan dengan berbagai-bagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.²⁹

ii. Pertumbuhan pengeluaran nasional sama ada barangan mahupun perkhidmatan

Pertumbuhan pengeluaran nasional yang dimaksudkan dalam Islam adalah suatu peningkatan di sektor pengeluaran sama ada barangan mahupun perkhidmatan dan berlaku secara berterusan. Objektif utama dalam pengeluaran nasional adalah pengeluaran barangan bagi memenuhi keperluan asas masyarakat. Manakala objektif kedua adalah pengeluaran berbagai-bagai jenis barangan yang dapat dipasarkan di dalam negeri mahupun di pasaran antarabangsa.³⁰

Peningkatan pengeluaran nasional adalah penting bagi memenuhi permintaan masyarakat di pelbagai bidang seperti makanan, pakaian, bahan mentah, barangan dan perkhidmatan asas lainnya. Hal ini adalah landasan bagi terbinanya keadilan dan keseimbangan dalam pembangunan ekonomi.

²⁹ Muhammad Umer Chapra (1993), *Islam and Economic Development*, c. 2. Kuala Lumpur : Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h. 72-73.

³⁰ Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 65.

Akhirnya, pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara dapat dicapai dengan cara meningkatkan pengeluaran negara terutama barangan keperluan asas, serta menarik pelabur-pelabur untuk datang melabur di pelbagai sektor. Tetapi walaupun demikian, pelaburan yang paling penting di negara-negara membangun adalah di sektor pertanian dan industri. Walaupun sektor pertanian dan sektor industri sama-sama memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi di negara yang sedang membangun, namun pembangunan di sektor pertanian lebih penting berbanding pembangunan di sektor industri, kerana kebanyakan negara-negara yang sedang membangun masih bergantung kepada sektor pertanian sebagai aset utama negara.³¹

Pengeluaran negara tidak boleh dibatasi kepada suatu jenis keluaran sahaja, tetapi usaha bagi mempelbagaikan jenis dan bentuk pengeluaran mesti dilakukan. Kepelbagaian pengeluaran mesti diselaraskan dengan prinsip-prinsip Islam terutama kaedah-kaedah syariah. Mempelbagaikan pengeluaran amat digalakkan dalam Islam namun ia tidak boleh bercanggah dengan nilai-nilai moral. Jenis pengeluaran yang bercanggah dengan Islam seperti minuman yang mengandungi alkohol, dan jenis perkhidmatan yang bercanggah dengan syariah seperti menyediakan perkhidmatan untuk berjudi sebagaimana yang berlaku di Las Vegas adalah tidak dibenarkan dalam sistem ekonomi Islam.³²

³¹ *Ibid.*, h. 66.

³² *Ibid.*

iii. Penelitian dan pembangunan

Penelitian dan pembangunan teknologi ditakrifkan sebagai usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk bumiputera dengan cara³³ mengembangkan teknologi yang selaras dengan keperluan mereka, sumber alam yang sedia ada, serta keunikan keadaan mereka. Objektif ini adalah penting khususnya bagi negara-negara yang sedang membangun dan sedang berusaha untuk memperkukuh keseimbangan ekonomi di negara mereka. Negara yang mampu melaksanakan dasar *Research and Development* (R & D) adalah negara yang telah memiliki keyakinan diri dan tidak bergantung sepenuhnya dengan bantuan negara-negara luar.³³ Penyelidikan dan pembangunan ini juga dikatakan sebagai satu strategi bagi memenuhi tuntutan-tuntutan ideologi pada masa akan datang.³⁴

Islam memandang *Research and Development* (R & D) khususnya dalam bidang teknologi adalah amat penting bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Namun demikian, Islam menekankan supaya program *Research and Development* (R & D) yang dilaksanakan di sesebuah negara mesti mengutamakan masyarakat tempatan. *Research and Development* (R & D) merupakan suatu evolusi teknologi bumiputera yang disesuaikan dengan keadaan, keperluan dan aspirasi negara Islam.³⁵ Masyarakat tempatan mesti diberi keutamaan dan peningkatan taraf hidup mereka mesti dijadikan asas dalam *Research and Development* (R & D). Tetapi terdapat juga sesetengah negara di dunia yang masih bergantung dengan

³³ *Ibid.*, h. 67.

³⁴ Muhammaad Kamal Hassan (1990), "Pembangunan yang Berteraskan Islam", dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Pulau Pinang, h. 9.

³⁵ Kurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h. 182.

negara-negara luar dalam hal teknologi khususnya negara-negara yang pernah menjajah mereka pada suatu masa dahulu. Oleh itu, sikap dan perilaku negara pembekal teknologi yang pada satu masa dahulu pernah menjajah mereka adalah tidak berubah sama sekali.³⁶

iv. Sistem jaminan sosial

Sistem jaminan sosial ditakrifkan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan asas masyarakat khususnya orang-orang yang tidak layak untuk bekerja seperti golongan masyarakat istimewa yang semata-mata mengharapkan huluran tangan orang ramai. Sistem jaminan sosial yang digalakkan oleh Islam adalah suatu upaya bagi menciptakan keseimbangan pembangunan ekonomi. Islam tidak menghendaki adanya jurang perbezaan antara orang kaya dan orang miskin. Demikian juga dengan orang-orang yang tidak memiliki kemampuan secara langsung untuk bekerja atau menjalankan aktiviti yang dapat menyara hidup mereka. Golongan ini adalah menjadi tanggungjawab negara untuk memenuhi keperluan hidup mereka sehari-hari.³⁷

Dalam mewujudkan sistem jaminan sosial ini kerajaan hendaklah mewujudkannya secara seimbang dan tidak membezakan antara satu golongan dengan golongan lain, antara muslim dengan bukan muslim. Islam amat menghargai orang-orang bukan Islam yang tinggal di negara-negara Islam, mereka tetap diberi perlindungan hak dan diberi kebebasan untuk menjalankan

³⁶ Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 64.

³⁷ *Ibid.*, h. 69.

aktiviti sehari-hari asalkan ia tidak bercanggah dengan aturan Islam yang sedia ada berkenaan dengan hak-hak mereka.³⁸

Adapun lembaga yang paling layak untuk menjalankan sistem jaminan sosial ini ialah Baitulmal. Di negara-negara Barat seperti United Kingdom, mereka tidak mengamalkan sistem jaminan sosial dalam jangka panjang sebagaimana yang diamalkan oleh Islam. Mereka hanya mengamalkan sistem jaminan sosial dalam jangka pendek seperti membuka peluang pekerjaan bagi penganggur tetapi tidak memberikan perkhidmatan untuk orang-orang yang secara fizikal atau mental tidak mampu menjalankan sebarang aktiviti untuk menyara hidup mereka.³⁹

v. Pengagihan pendapatan dan kekayaan yang seimbang

Pembahagian pendapatan dan harta kekayaan secara seimbang juga termasuk salah satu objektif pembangunan ekonomi yang amat digalakkan oleh Islam. Objektif ini ditakrifkan sebagai suatu usaha bagi melaksanakan proses pengagihan semula pendapatan dan harta kekayaan secara adil, jujur dan selaras dengan matlamat asas pembangunan ekonomi iaitu untuk mewujudkan kemakmuran secara komprehensif. Setiap individu dikehendaki dapat menikmati taraf hidup yang selaras dengan peranannya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.⁴⁰

Di samping tanggungjawab untuk mengekalkan martabat manusia sebagai khalifah, ianya juga bertujuan untuk membina ikatan persaudaraan antara sesama

³⁸ *Ibid.*, h. 70.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*, h. 71.

umat Islam, sifat kasih sayang dan keadilan sosioekonomi. Islam amat menyedari bahawa manusia tidaklah sama semuanya. Hal ini amat jelas dan ketara kerana manusia itu ada yang memiliki kemampuan sementara yang lain tidak memilikinya, ada kaya dan miskin, ada yang mampu dan yang kurang mampu.⁴¹ Oleh itu, konsep Islam berkenaan dengan pengagihan pendapatan dan kekayaan bukan bererti hendak mewujudkan taraf ekonomi yang sama rata di antara semua golongan masyarakat, tetapi apa yang perlu dicapai dalam proses pengagihan semula harta kekayaan dan pendapatan adalah berkurangnya jurang perbezaan antara yang satu dengan yang lain.⁴²

Kita menyedari bahawa manusia tidak semestinya sama antara satu dengan yang lain, namun manusia dikehendaki untuk saling bekerjasama di pelbagai bidang termasuk juga bidang ekonomi. Oleh itu, Islam menghendaki supaya proses pengagihan semula harta kekayaan dan pendapatan dapat dilaksanakan dengan baik. Pengagihan semula pendapatan adalah suatu cara untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi.⁴³

vi. Peluang pekerjaan

Objektif pembangunan ekonomi yang amat penting adalah mencipta peluang pekerjaan yang mencukupi untuk rakyat. Pekerja hendaklah dibekalkan dengan latihan-latihan yang dapat menjadikan mereka pekerja yang mahir. Di samping

⁴¹ *Ibid.*, h. 72.

⁴² Asas bagi mewujudkan pembangunan ekonomi yang seimbang dapat dilakukan dengan dua cara iaitu dengan cara meningkatkan pendapatan per kapita penduduk dan juga dengan cara menjalankan proses pengagihan semula harta dan kekayaan dengan baik dan seimbang ; Lihat Charles P. Kindleberger (1958), *Economic Development*. New York : The McGraw-Hill Book Company Inc., h. 9.

⁴³ Kerajaan mesti sentiasa mengamati dan mengekalkan keseimbangan dalam proses pengagihan harta dan kekayaan terutama sumber alam ; Lihat S.M. Yusuf (1971), *Economic Justice in Islam*. Lahore: Sh. Muhammad Asraf, h. 94.

itu, objektif ini juga bertujuan untuk membantu penganggur untuk mendapatkan pekerjaan selaras dengan kemampuan mereka. Peluang pekerjaan yang disediakan itu mesti selaras dengan keperluan masyarakat dan sumber alam yang sedia ada.⁴⁴

;

Pekerja atau buruh adalah aset yang dapat menyokong pembangunan ekonomi nasional. Oleh itu, buruh mesti dipersiapkan dengan sebaik mungkin supaya mereka dapat bekerja secara profesional sebaliknya apabila perancangan ekonomi tidak dilaksanakan dengan baik khususnya masalah buruh, maka buruh akan menjadi beban sosial. Meningkatnya jumlah penduduk di sesebuah negara juga akan mengakibatkan meningkatnya penawaran buruh, tetapi hal ini mesti dilihat secara positif di mana buruh-buruh tersebut mesti ditempatkan di berbagai-bagai bidang yang sesuai dengan kemampuan mereka. Hal ini adalah suatu jalan bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi yang selaras dengan Islam.⁴⁵

vii. Kestabilan nilai wang

Kestabilan nilai wang adalah amat penting dalam mewujudkan pembangunan ekonomi di suatu negara, dan ianya adalah salah satu objektif dalam sistem ekonomi Islam. Kestabilan mata wang adalah untuk mengelakkan terjadinya hakisan nilai wang sebenar dan menghindari terjadinya halangan-halangan untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.⁴⁶

Dalam Islam wang adalah satu alat mengukur nilai dan di samping itu ia juga berperanan sebagai media pertukaran.⁴⁷ Sebarang pengurangan nilai benar

⁴⁴ Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 72-73.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 73.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 75.

⁴⁷ *Ibid.*

wang yang dilakukan dengan cara berterusan dan nyata boleh ditafsirkan seperti kenyataan al-Quran, sebagai merasuah dunia. Ini adalah kerana tindakan mengurangi nilai itu mempunyai kesan-kesan negatif ke atas keadilan sosial dan kebajikan am.

Kestabilan nilai wang amat penting dijadikan sebagai objektif dalam pembangunan ekonomi, kerana kuasa beli wang yang rendah akan menyebabkan terjadinya inflasi. Inflasi menyebabkan wang tidak dapat berfungsi selaras dengan nilai sebenar wang tersebut. Inflasi membolehkan segolongan orang bertindak tidak adil ke atas golongan lain dan secara tidak langsung ia mengurangkan kuasa pembelian aset-aset kewangan.⁴⁸

Di samping itu, inflasi juga dapat mewujudkan ketidakadilan ke atas pemberi pinjaman yang tidak mengenakan riba. Hal ini berlaku kerana inflasi dapat mengurangkan nilai benar pinjaman kebajikan (*al-qard al-hasan*) iaitu suatu pinjaman tanpa riba dan tidak ada syarat pembahagian untung antara kedua-dua pihak.⁴⁹

Oleh itu, negara-negara Islam yang memanfaatkan pinjaman daripada negara luar dengan sistem riba, dapat mendatangkan dua bentuk implikasi negatif iaitu :⁵⁰

1. Kecenderungan ahli-ahli ekonomi Islam untuk sentiasa bergantung kepada pinjaman berdasarkan riba kerana mereka beranggapan bahawa

⁴⁸ Muhammad Umer Chapra (1985), *Towards A Just Monetary System*. Leicester : The Islamic Foundation, h. 37.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 35-36 ; Lihat juga Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 75.

⁵⁰ *Ibid.*, h. 76-77.

tidak ada mana-mana institusi kewangan lain yang dapat diharapkan khasnya lembaga kewangan yang bebas dari riba.

2. Wujudnya inflasi terhadap unit kewangan, sebagai suatu unit pinjaman mesti mempertimbangkan nilai sebenar tukaran wang. Hal ini dikhaskan kepada jenis pinjaman jangka panjang kerana ianya dapat merugikan pihak peminjam sekiranya nilai tukar wang tidak dipertimbangkan oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, Islam menawarkan pinjaman yang menggunakan sistem *al-qard al-hasan*.

Walaupun terdapat dua implikasi negatif yang akan berlaku ke atas negara-negara Islam yang menggunakan pinjaman yang berasaskan riba namun, kita amat terkilan kerana masih banyak negara-negara Islam yang tidak mahu menggunakan sistem pinjaman Islam.⁵¹

viii. Pembangunan yang seimbang di serata tempat

Pembangunan yang seimbang dan harmoni mesti diwujudkan di serata tempat atau di pelbagai kawasan di sesebuah negara dan juga di berbagai-bagai sektor.⁵² Desentralisasi ekonomi dan pembangunan yang tepat bagi kesemua bahagian dan sektor bukan sahaja sebagai suatu hal yang dituntut oleh keadilan, malah ia amat perlu untuk mencapai kemajuan yang maksimum. Ini juga akan memperbaiki dualisme ekonomi yang dialami oleh kebanyakan negara Islam.

Pembangunan yang seimbang di serata wilayah di sesebuah negara akan mewujudkan integrasi yang lebih erat dalam setiap daerah di dalam negara

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*

berkenaan. Ini merupakan suatu objektif pembangunan ekonomi yang asas dalam sistem ekonomi Islam.⁵³

Terdapat dua hal penting yang mesti diterapkan bagi mewujudkan pembangunan yang seimbang di serata tempat iaitu :⁵⁴

1. Seluruh daerah atau kawasan dikehendaki untuk saling membantu antara satu dengan yang lain. Daerah-daerah yang memiliki banyak kekayaan sumber alam mesti membantu daerah atau kawasan lain yang kurang sumber alamnya.
2. Setiap daerah atau kawasan mesti berperanan secara aktif dalam melaksanakan proses pembangunan. Masyarakat yang berada di setiap daerah juga mesti bekerjasama antara satu daerah dengan daerah lain khususnya dalam menjalankan aktiviti ekonomi.

ix. Pembangunan sistem komunikasi yang baik

Pembangunan sistem komunikasi yang baik adalah objektif pembangunan ekonomi yang mesti dilaksanakan oleh suatu daerah. Komunikasi adalah asas utama dalam pelaksanaan berbagai-bagai jenis program pembangunan ekonomi yang dijalankan di sesebuah kawasan. Sebarang program pembangunan ekonomi tidak akan dapat diterapkan dengan cekap, tepat dan selaras dengan kepentingan masyarakat apabila tidak dilengkapi dengan sistem komunikasi yang baik. Dengan adanya sistem komunikasi yang baik, maka akan mudah menentukan keperluan pembangunan di pelbagai sektor dan di pelbagai kawasan.⁵⁵

⁵³ Kurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h. 182.

⁵⁴ Aidit Ghazali (1990), *op.cit.*, h. 80.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 81.

Sistem komunikasi yang baik sebagai objektif pembangunan ekonomi mesti dibangunkan dengan segera bagi mewujudkan program pembangunan yang cekap dan tepat yang dilaksanakan di berbagai-bagai kawasan atau daerah. Dalam sesebuah kes di mana campur tangan kerajaan di suatu daerah tidak dikehendaki oleh masyarakat daerah berkenaan, kerana disebabkan oleh kelemahan sistem jaringan komunikasi, dan menyebabkan masyarakat tersalah anggap.⁵⁶

x. Kerjasama dan persefahaman antarabangsa

Adalah menjadi suatu tuntutan yang langsung bagi *ummah* yang fungsinya sebagai khalifah di muka bumi ini, bahawa penggantungannya terhadap dunia Islam dalam semua hal yang mustahak mestilah diubah supaya menjadi sebuah negara yang tidak bergantung kepada orang lain dari segi ekonomi, mempunyai harga diri dan beransur-ansur membina kekuatan dan kuasa. Pertahanan dan kebebasan dunia Islam dan keamanan serta ketenteraman merupakan objektif yang ketara menonjol dalam pembangunan ekonomi Islam.

Oleh kerana itu, setiap negara-negara Islam di dunia hendaklah menyedari akan kelemahan selama ini iaitu kurangnya semangat integrasi di kalangan mereka. Negara-negara Islam kebanyakannya adalah negara-negara yang sedang membangun mesti menggantungkan nasibnya kepada kuasa-kuasa besar. Hal ini menyebabkan negara-negara kuasa besar dapat menguasai dan menghakis berbagai-bagai kekayaan yang berada di negara-negara Islam tersebut.

Tetapi sekalipun demikian, negara-negara Islam mesti membina hubungan yang baik dengan negara-negara bukan Islam kerana hal tersebut amat

⁵⁶ *Ibid.*, h. 82.

menguntungkan negara Islam dari segi pelaburan, perdagangan dan lain-lain. Membina hubungan dengan negara-negara bukan Islam adalah bersesuaian dengan prinsip Islam yang mencintai kedamaian. Kerjasama antarabangsa tersebut ditargetkan supaya dapat membina hubungan yang berterusan dan saling berkongsi maklumat berkenaan dengan isu-isu semasa khususnya yang berhubungan pembangunan ekonomi di samping saling berkongsi pengalaman antara satu dengan yang lain⁵⁷

xi. Peningkatan kualiti hidup

Usaha mestilah ditujukan ke arah memperbaiki taraf kehidupan sebenar semua orang dan ke arah pencapaian kebajikan moral, ekonomi dan sosial mereka. Ini akan menentukan keutamaan yang tinggi diberikan sekurang-kurangnya kepada beberapa perkara berikut ini :⁵⁸

1. Menyediakan peluang pekerjaan dan semua penyelarasannya dari segi struktur, teknologi dan pelaburan, kedaerahan dan pendidikan yang timbul daripadanya.
2. Satu sistem jaminan sosial yang berkesan dan mempunyai asas yang luas, yang menjamin keperluan hidup yang asas bagi semua mereka yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan yang menguntungkan, ataupun yang layak mendapat bantuan pertolongan masyarakat. Zakat haruslah menjadi inti kepada sistem ini.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Syed Uthman al-Habshi (1990), "Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia", dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Pulau Pinang, h. 121 ; Lihat juga Kurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h. 181-182.

3. Agihan pendapatan dan kekayaan yang saksama. Haruslah ada dasar pendapatan yang aktif ditunjukkan ke arah meningkatkan pendapatan kumpulan yang berpendapatan rendah, yang akan mengurangkan nisbah penumpuan dan ketaksamaan dalam masyarakat, dan membawa kepada pengeluaran yang lebih seimbang bagi kekayaan dan kuasa dalam masyarakat pada umumnya.

xii. Mengembangkan pengeluaran yang berguna

Pertambahan yang berterusan dan berkekalan dalam keluaran negara akan menjadi objektif yang penting, tetapi adakalanya perhatian sesuatu negara tertumpu kepada kuantum dan kecekapan pengeluaran, manakala di pihak yang lain pula tertumpu kepada pencapaian campuran keluaran yang betul.

Pengeluaran bukanlah bermakna pengeluaran apa sahaja yang ada atau yang dikehendaki oleh pasar ataupun apa sahaja yang mampu dibeli oleh mereka yang kaya ; pengeluaran akan terlibat dengan barang yang berguna bagi manusia dari segi nilai Islam dan pengalaman umum umat manusia. Pengeluaran terhadap barangan yang tidak selaras dengan hukum-hakam Islam adalah tidak dibenarkan, begitu juga dengan pengeluaran barangan yang tidak digalakkan penggunaannya adalah tidak digalakkan bagi mengeluarkannya, dan segala-gala yang penting dan berguna adalah diberi keutamaan dan galakan.⁵⁹

⁵⁹ *Ibid.*, h. 181.

4.2.3 Indeks Pembangunan Ekonomi Menurut Islam

Pembangunan ekonomi dalam Islam adalah bertujuan untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan di kalangan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, indeks pembangunan² ekonomi dalam perspektif Islam terdiri dari tiga komponen penting iaitu :

1. Pertumbuhan ekonomi
2. Keadilan dalam pengagihan
3. Nilai-nilai Islam

Tingkat pertumbuhan ekonomi dan tingkat pendapatan yang tinggi adalah penting bagi peruntukan makanan, pemukiman, pakaian, perubatan, pendidikan dan berbagai-bagai keperluan hidup lainnya. Pertumbuhan ekonomi tidak hanya diukur melalui tingkat pendapatan yang tinggi melainkan juga dilihat dari segi keperluan asas masyarakat yang telah terpenuhi secara keseluruhan. Hal ini penting untuk mengelakkan terjadinya pengumpulan kekayaan di tangan segolongan orang. Islam menghendaki agar pendapatan dan kekayaan diagihkan secara saksama.⁶⁰

Pembangunan ekonomi mesti diselaraskan dengan nilai-nilai Islam. Penyelarasan tersebut dapat dilihat dalam dua bentuk iaitu : Pertama, pembangunan ekonomi diertikan sebagai proses pembangunan yang seimbang dan berterusan sama ada material mahupun bukan material dan ianya selaras dengan nilai-nilai Islam. Kedua, pengukuhan nilai-nilai Islam dapat dilakukan dengan cara mengeluarkan perbelanjaan (menyediakan peruntukan) untuk pembangunan

⁶⁰ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 4.

institusi pendidikan Islam. Dalam hal ini, pengeluaran mesti disesuaikan dengan tingkat pendapatan seseorang, di samping ianya bertujuan untuk memperkuat keyakinan atau keimanan.⁶¹

Oleh kerana itu, kajian berkenaan dengan indeks pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam terdiri daripada pertumbuhan ekonomi, pengagihan yang adil, dan nilai-nilai Islam dengan fungsinya seperti berikut :⁶²

$$D = f_1 (G, E, V) \dots (1)$$

Di mana D = Pembangunan ekonomi

G = Fungsi positif pertumbuhan

E = Keadilan pengagihan

V = Nilai-nilai Islam

Fungsi di atas boleh diteruskan dengan rumusan :

$$D = \beta_1 G + \beta_2 E + \beta_3 V + \varepsilon$$

Setiap daripada tiga komponen Indeks pembangunan ekonomi Islam tersebut, akan dijelaskan seperti berikut ini :⁶³

i. Pertumbuhan ekonomi

Tingkat pertumbuhan ekonomi dan pendapatan yang tinggi adalah amat berperanan bagi menentukan sama ada bekalan makanan, pakaian, pendidikan ataupun berbagai-bagai keperluan hidup lainnya dapat dipenuhi. Walaupun demikian, kedua-dua aspek berkenaan tidak akan mendatangkan apa-apa faedah

⁶¹ *Ibid.*

⁶² *Ibid.*, h. 5.

⁶³ *Ibid.*

jika keperluan asas masyarakat tidak dapat dipenuhi secara keseluruhan. Hal ini berlaku kerana hanya segolongan kecil sahaja daripada anggota masyarakat yang dapat menikmati hidup dengan selesa, manakala yang lain berada dalam taraf ekonomi yang masih rendah.⁶⁴

Perbincangan yang berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi menurut perspektif Islam akan membabitkan dua aspek seperti berikut :⁶⁵

1. Galakan Islam terhadap pertumbuhan ekonomi

Islam amat menggalakkan usaha-usaha untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang selaras dengan kenaikan tingkat pendapatan dan kekayaan. Hal tersebut hanya dapat diperolehi dengan cara mengolah sumber-sumber yang sedia ada, sama ada sumber alam mahupun sumber manusia. Oleh itu, Islam amat melarang umatnya yang tidak mahu bekerja dan sebaliknya menggalakkan mereka untuk menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi bagi mencapai kemakmuran bersama. Islam amat menyedari bahawa kemiskinan dapat menghalang umatnya untuk menjalankan pelbagai kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah, sama ada kewajipan terhadap diri sendiri mahupun kewajipan yang bersifat sosial kemasyarakatan. Oleh kerana itu, Islam memberikan dorongan yang kuat kepada umatnya untuk bekerja di berbagai-bagai sektor seperti pertanian, perindustrian,

⁶⁴ *Ibid* ; Islam menghendaki supaya kerajaan dapat mengambil berat tentang keperluan asas seseorang sama ada ia telah terpenuhi atau tidak. Oleh kerana itu dalam Islam, apabila keperluan asas seseorang tidak terpenuhi, maka ia menjadi tanggungjawab keluarganya yang terdekat, apabila keluarganya yang terdekat tidak mampu, maka ia menjadi tanggungjawab negara (Baitulmal), apabila Baitulmal tidak mencukupi, maka negara akan mengenakan cukai terhadap orang-orang kaya untuk tujuan tersebut ; Lihat S.M. Yusuf (1971), *op.cit.*, h. 60.

⁶⁵ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 5.

perdagangan dan perniagaan, kerana sektor-sektor tersebut dapat menyokong pertumbuhan ekonomi suatu daerah.

2. Faktor-faktor pertumbuhan

Faktor pertumbuhan yang paling utama dalam Islam adalah faktor sumber alam dan sumber manusia. Sumber alam yang sedia ada wajib untuk diterokai oleh umat manusia, kerana alam yang diciptakan Tuhan adalah untuk kepentingan umat manusia. Manusia dibenarkan untuk menerokai pelbagai sumber alam yang tersedia, tetapi kewajipan sosial dan nilai-nilai moral tidak boleh dilupakan. Begitu juga halnya dengan kepentingan pembangunan sumber manusia. Pembangunan sumber manusia juga mendapat perhatian utama dalam sistem ekonomi Islam kerana sumber manusia yang memadai akan dapat mempercepatkan proses pengeluaran yang dijalankan oleh suatu negara. Sumber manusia menurut Islam melibatkan dua hal penting iaitu kemahiran dan kejujuran. Kedua-duanya tidak dapat berjalan secara bersendirian kerana ia saling menyokong antara satu dengan yang lain.

ii. Pengagihan pendapatan yang adil

Tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak akan dapat menghasilkan kemakmuran secara keseluruhan jika pendapatan dan kekayaan hanya dimiliki oleh golongan tertentu sahaja.⁶⁶ Pengumpulan harta kekayaan secara sepihak akan menjejaskan matlamat pertumbuhan ekonomi dan akan mewujudkan perbezaan taraf ekonomi yang ketara di tengah masyarakat serta timbulnya kekacauan sosial

⁶⁶ Anwar Iqbal Qureshi (1979), *The Economic and Social System of Islam*. Lahore : Islamic Book Service, h. 71.

politik. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi seperti ini tidak dipandang sebagai pembangunan ekonomi sebenar jika kemakmuran masyarakat secara komprehensif tidak dapat diwujudkan.⁶⁷ Menurut perspektif Islam, Faktor-faktor yang terlibat dalam proses pengeluaran mesti dibayar secara adil dan selaras dengan sumbangan yang telah mereka berikan dalam proses pengeluaran berdasarkan prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan.⁶⁸

Keistimewaan sistem ekonomi Islam dalam hal pengagihan pendapatan iaitu adanya kewajipan untuk mengagihkan semula harta untuk kepentingan masyarakat yang disebut dengan zakat. Proses pengagihan ini dilakukan oleh orang yang memiliki kelebihan harta terhadap orang yang memerlukannya. Hal ini selaras dengan pengertian zakat secara umum iaitu yuran wajib yang dikenakan kepada orang yang berharta dalam masa tertentu.⁶⁹ Manakala pelaksanaannya dapat dilakukan menerusi institusi zakat.⁷⁰

Zakat merupakan suatu bentuk pengorbanan bagi memenuhi kewajipan sosial, dan zakat juga sebagai bukti keimanan seseorang yang meyakini bahawa apa sahaja yang dimilikinya adalah kurnia Allah. Oleh kerana itu, orang berkenaan mesti menjaga dan memberikan kepada golongan-golongan tertentu (asnaf) apa yang menjadi haknya. Dengan demikian, zakat dapat berperanan sebagai alat persepaduan antara orang kaya dengan orang miskin, orang yang

⁶⁷ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 9.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 10 ; Lihat Ahmed H. al-Maamiry (1987), *Economics in Islam*. New Delhi : Lancers Book, h. 10 ; Lihat Muhammad A. al-Buraey (1985), *Administrative Development An Islamic Perspective*. London : Kegan Paul International, h. 82-84.

⁶⁹ Mehdi B. Rezavi (1983), *op.cit.*, h. 161.

⁷⁰ AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 10.

berharta dengan orang yang tidak berharta, maka tercapailah matlamat asas pembangunan ekonomi iaitu kesejahteraan umat secara menyeluruh.⁷¹

iii. Nilai-nilai Islam

Persekitaran sosial yang sihat dan menyenangkan dapat diwujudkan dengan menciptakan hubungan yang sihat dan harmonis antara anggota masyarakat. Persekitaran sosial yang sihat serta diperkaya dengan nilai-nilai Islam penting bagi mewujudkan kehidupan yang aman, damai dan berdisiplin. Jika orang tidak lagi mempedulikan dan mengamalkan nilai-nilai ataupun norma-norma Islam dalam kehidupan mereka, maka kehidupan yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat tidak akan pernah dapat diperolehi.⁷² Sesungguhnya amalan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam panduan umat (al-Quran dan al-Sunnah) akan menghasilkan kehidupan yang harmonis, tenteram, aman dan berdisiplin. Dengan demikian, akan terwujudlah persekitaran sosial yang sihat dan terkawal serta selaras dengan nilai-nilai Islam yang suci.

Sebaliknya, apabila manusia telah leka dengan pelbagai aktiviti dunia dan tidak lagi memperhatikan ajaran-ajaran syariah, maka akan wujudlah masalah-masalah sosial terutama di daerah-daerah atau negara-negara yang memiliki rakyat berbilang kaum. Disamping itu, timbul juga masalah-masalah sosial seperti perjudian, pencurian, perompakan dan sebagainya kerana masyarakat sudah hilang arah dan tidak lagi memiliki panduan agama yang jelas.

⁷¹ Muhammad Umer Chapra (1993), *op.cit.*, h. 82-83.

⁷² AbulHasan Muhammad Sadeq (1991), *op.cit.*, h. 4.

4.3 Kesimpulan

Pembangunan ekonomi Islam merupakan suatu konsep pembangunan ekonomi yang bersifat menyeluruh. Pembangunan ekonomi Islam tidak hanya mementingkan aspek kebendaan tetapi yang lebih penting adalah keseimbangan antara pembangunan yang bersifat material dan bukan material (rohani). Sebarang program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan tidak boleh bercanggah dengan prinsip Islam kerana matlamat pembangunan ekonomi dalam Islam adalah untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Kerajaan hendaklah mewujudkan pembangunan yang seimbang di serata tempat serta menggalakkan sistem pinjaman tanpa riba (*al-qard al-hasan*) kerana hal tersebut termasuk objektif pembangunan ekonomi dalam Islam.

Di samping itu, pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam hanya dapat diwujudkan dengan cara mengolah sumber-sumber yang sedia ada sama ada sumber alam mahupun sumber manusia. Demikian juga dengan proses pengagihan pendapatan mesti dilaksanakan secara adil bagi mengelakkan pengumpulan kekayaan secara sepihak.